



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



**BUKU PANDUAN  
PENGURUSAN PERMOHONAN &  
TAWARAN SUBSIDI KOS SARA HIDUP  
BAGI PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN  
PELATIH TAHUN 2021**

## 1.0 TUJUAN

- 1.1 Buku Panduan ini adalah bertujuan bagi menjelaskan kepada Penyedia Latihan (PL) mengenai pengurusan permohonan dan kaedah tuntutan bayaran berdasarkan ketetapan di bawah subsidi Kos Sara Hidup (KSH) bagi Perlanjutan Tempoh Latihan.
- 1.2 Tatacara ini juga digunakan sebagai rujukan dan panduan pengurusan permohonan dan tuntutan bayaran subsidi KSH bagi Perlanjutan Tempoh Latihan supaya lebih terperinci dan teratur. Ini sekali gus dapat mempercepatkan lagi kelulusan permohonan dan tuntutan bayaran subsidi KSH bagi Perlanjutan Tempoh Latihan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tawaran subsidi KSH Bagi Perlanjutan Tempoh Latihan sehingga RM400.00 sebulan adalah bagi membantu pelatih untuk melengkapkan baki pengajian yang perlu diselesaikan akibat tertangguh disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 2.2 Ketika tempoh Pandemik Covid-19 urusan pembelajaran pelatih di PL Awam dan Swasta masih perlu dilaksanakan walaupun terhad kepada pengajaran secara dalam talian bagi program/modul secara teori sebanyak 30 peratus (%). Bantuan ini dapat meringankan beban pelatih dengan membantu pelatih menampung kos pengajian untuk melengkapkan baki latihan secara *hands-on* praktikal secara *Base Camp Training* sebanyak 70 peratus (%) lagi.
- 2.3 Pemberian bantuan kewangan sebanyak RM400.00 sebulan kepada pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di PL untuk menyelesaikan baki latihan yang tertangguh semasa pelaksanaan PKP dan secara tidak langsung dapat menyokong hasrat kerajaan bagi mengeluarkan tenaga kerja.

## 3.0 SASARAN

- 3.1 Pelatih yang sedang mengikuti/ menjalani latihan terjejas dengan Pandemik Covid-19 dan perlu melengkapkan baki 70 peratus (%) pembelajaran secara '*hands on*'/ praktikal secara '*Base Camp Training*';
- 3.2 Tempoh pelaksanaan sehingga 6 bulan; dan
- 3.3 Penyaluran kepada akaun bank pelatih secara '*one off*' dengan maksimum 6 bulan.

#### 4.0 KAEDAH PERLAKSANAAN

- 4.1 Melibatkan pelatih sedia ada yang perlu melengkapkan modul/task latihan yang tertangguh;
- 4.2 Program/ kursus yang dijalankan hendaklah masih berdaftar dan diluluskan oleh PTPK;
- 4.3 Pelatih masih mengikuti Latihan di PL yang berdaftar dengan PTPK;
- 4.4 Mengikuti Latihan seperti mana kelulusan pinjaman;
- 4.5 Pelatih melalui PL telah mendapat kelulusan Perlanjutan Tempoh Latihan daripada JPK;
- 4.6 Subsidi KSH bagi Perlanjutan Tempoh Latihan ini adalah merupakan geran; dan
- 4.7 Tarikh akhir permohonan pada bulan **Julai 2022**.

#### 5.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENYEDIA LATIHAN

- 5.1 PL hendaklah mengisi Borang Maklumat Pelatih dalam format *Microsoft Excel* secara manual dan menghantar maklumat tersebut melalui e-mel **subsidiksh@ptpk.gov.my**. Borang Maklumat Pelatih seperti di **Lampiran 1**.
- 5.2 PL perlu mengemukakan dokumen tuntutan secara fizikal ke PTPK seperti berikut:
  - a) Surat Iringan daripada Penyedia Latihan;
  - b) Borang Maklumat Pelatih seperti di para 5.1 yang dicetak;
  - c) Borang Permohonan subsidi KSH bagi Perlanjutan Tempoh Latihan yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pelatih dan Pengurus Penyedia Latihan/ Pusat Bertauliah; (**Rujuk Lampiran 2**); **DAN**
  - d) Salinan Pendaftaran Calon Persijilan Kemahiran Malaysia (JPK/T1002) baharu; **ATAU**
  - e) Salinan surat kelulusan Perlanjutan Tempoh Latihan daripada JPK.
- 5.3 PL dikehendaki **menghantar maklumat seperti di para 5.2 secara salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*)** bagi maklumat permohonan subsidi KSH.

## 6.0 KRITERIA KELAYAKAN PELATIH

6.1 Pelatih hendaklah:

- a) Status Permohonan di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman berstatus "Perjanjian Lengkap"; dan
- b) Akaun Bank pelatih masih aktif.

6.2 Mana-mana pelatih yang sedang mengikuti perlanjutan latihan di PL yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan berdaftar dengan PTPK.

\* Syarat-syarat adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

## 7.0 POLISI PEMBIAYAAN

7.1 Status pentauliahkan dan pendaftaran Penyedia Latihan (Pusat Bertauliah) dan program dengan JPK serta PTPK masih sah dan lulus.

7.2 Pembayaran subsidi KSH dimasukkan ke dalam Akaun Bank Pelatih setelah dokumen tuntutan lengkap.

7.3 Pembayaran subsidi KSH akan dibayar kepada Pelatih berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.

## 8.0 PENGESAH SALINAN DOKUMEN

**Salinan dokumen perlu disahkan** oleh Pegawai yang layak mengesahkan dokumen seperti berikut:

8.1 Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Jaksa Pendamai, Pegawai Polis berpangkat Inspektor atau setaraf ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum / Mukim atau Pengurus Pusat Bertauliah yang ditauliahkan oleh JPK dan berdaftar dengan PTPK.

8.2 Majistret / Notari Awam / Pesuruhjaya Sumpah dibenarkan mengesah salinan dokumen sokongan.

## 9.0 TARIKH KUAT KUASA / RUJUKAN

Tatacara permohonan dan pembayaran subsidi KSH bagi Perlanjutan Tempoh Latihan hendaklah diguna pakai oleh PTPK/ PL **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan yang masih berkuat kuasa.

## 10.0 TARIKH KUAT KUASA / RUJUKAN

Sekiranya terdapat pertanyaan dalam pelaksanaan subsidi KSH Bagi Perlanjutan Tempoh Latihan, sila berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan dan Pembiayaan melalui e-mel **subsidiksh@ptpk.gov.my** atau **Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi di talian 013 - 229 7107**.





**BORANG PERMOHONAN  
SUBSIDI KOS SARA HIDUP BAGI PERLANJUTAN  
TEMPOH LATIHAN TAHUN 2021**

*(Sila baca syarat permohonan dan arahan dengan teliti sebelum mengisi borang ini)*

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon/Pelatih menjalani Persijilan Kemahiran Malaysia ("PKM") yang diluluskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran ("Perbadanan" / "PTPK").
2. Pemohon/Pelatih masih mengikuti latihan di Penyedia Latihan yang diluluskan oleh Perbadanan.
3. Pemohon/Pelatih telah disahkan berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran ("JPK") untuk menjalani latihan berkenaan dalam tempoh perlanjutan yang diluluskan (Tempoh Latihan Baru).
4. Pelatih telah memohon penangguhan bayaran balik pinjaman bagi tempoh perlanjutan yang diluluskan oleh JPK.
5. Status Permohonan Pinjaman Latihan Kemahiran Dana TVET pelatih berstatus "Perjanjian Lengkap" dalam Sistem Pengurusan Pinjaman, PTPK.

**ARAHAN**

1. Permohonan subsidi Kos Sara Hidup (KSH) Bagi Perlanjutan Tempoh Latihan perlu diisi secara manual.
2. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Penyedia Latihan masing-masing kepada Perbadanan.

**MAKLUMAN**

1. Jumlah pembiayaan adalah mengikut jumlah KSH yang diambil.
2. Pembiayaan akan diberikan berlandaskan prinsip Syariah *Hibah* (Subsidi).
3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima.
4. Pastikan kesemua dokumen yang diminta disertakan bersama-sama permohonan ini. Sila semak senarai semak sebelum permohonan dihantar ke Perbadanan.

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELATIH**

1.	Nama Penuh Pelatih: <i>(mengikut kad pengenalan)</i>			
2.	No. Kad Pengenalan:			
3.	Alamat Surat-menyurat: <i>(termasuk poskod)</i>			
4.	No. Telefon Rumah:	No. Telefon Bimbit:	E-mel:	
5.	Tarikh Lahir: <input type="text"/> hari <input type="text"/> bulan <input type="text"/> tahun	Jantina: (tandakan) <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan	Taraf Perkahwinan: (tandakan) <input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Bercerai <input type="checkbox"/> Balu	Warganegara: (tandakan) <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
6.	Kaum: <input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> Bumiputera Sabah <input type="checkbox"/> Bumiputera Sarawak			
7.	<input type="checkbox"/> Tidak Muflis/ Bankrap	<input type="checkbox"/> Sihat Tubuh Badan	<input type="checkbox"/> Tidak Mendapat Mana-Mana Pembiayaan/ Bantuan Kewangan Daripada PTPK/ Institusi Kewangan	<input type="checkbox"/> Golongan Rentan

**BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN DAN PROGRAM LATIHAN** (diisi oleh Penyedia Latihan)

1.	Nama Penuh Penyedia Latihan:								
2.	Kod Penyedia Latihan:								
3.	Program Latihan Yang Dipohon:								
	Kod Kemahiran	Nama Program Latihan	Tahap Latihan	Mula Latihan Asal (dd/mm/yyyy)	Tamat Latihan Asal (dd/mm/yyyy)	Tamat Latihan Baru (Kelulusan JPK) (dd/mm/yyyy)	Jum. Bulan (A)	Kos Sara Hidup (KSH) (B)	Jumlah Pembiayaan (C) = (A) X (B)
								RM	RM
	<b>Jumlah</b>							<b>RM</b>	<b>RM</b>
4.	Nama Pegawai Penilai (VTO):								

**BAHAGIAN E: PENGAKUAN PEMOHON**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 74 di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) dan Seksyen 18 di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Tarikh : .....

Tandatangan Pemohon/ Pelatih

**BAHAGIAN F: PENGESAHAN PENYEDIA LATIHAN**

Dengan ini disahkan bahawa semua butiran latihan kemahiran yang dinyatakan di dalam borang ini adalah benar. Sekiranya kami mengemukakan pernyataan palsu atau tidak benar atau melanggar mana-mana syarat yang dikenakan dan niat mengelirukan PTPK, pihak kami boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 73 dan Seksyen 74 Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) dan Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Tandatangan : .....

Nama Pengarah Urusan / Pengurus Penyedia Latihan : .....

Tarikh : .....

Cap Penyedia Latihan

Sila kembalikan borang permohonan yang telah dilengkapkan kepada alamat seperti berikut:

Ketua Eksekutif,  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,  
ARAS 11, 12C, 15,16,17,18,19 DAN 27,  
MENARA DATO' ONN,  
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL),  
NO 45, JALAN TUN ISMAIL,  
50530 WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR.

No. Tel : 03 - 4051 6000  
No. Faks : 03 - 4047 6142  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my





**SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN SUBSIDI KOS SARA HIDUP  
BAGI PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN TAHUN 2021**

NAMA PELATIH		:					
NO. KAD PENGENALAN		:		NO. FAIL	:		
KOD DAN NAMA PENYEDIA LATIHAN		:					
* Sila tandakan (√) di ruang yang berkenaan dan susun mengikut susunan seperti di senarai					PL		PTPK
<b>DOKUMEN PELATIH</b>							
1.	Surat Iringan Daripada Penyedia Latihan;						
2.	Borang Permohonan Subsidi Kos Sara Hidup Bagi Perlanjutan Tempoh Latihan Tahun 2021 (PTPK.BPL.100-1/1 (61));						
3.	Borang Maklumat Pelatih (PTPK.BPL.100-1/1 (60) yang dicetak;						
4.	Borang Maklumat Pelatih dalam format Microsoft Excel (PTPK.BPL.100-1/1 (60) di e-melkan ke alamat e-mel subsidiksh@ptpk.gov.my;						
5.	Satu (1) Salinan Pendaftaran Calon SKM / DKM / DLKM (JPK/T1002) BAHARU bagi PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN; ATAU						
6.	Satu (1) Salinan Surat Kelulusan Perlanjutan Tempoh Latihan Daripada JPK;						
<b>UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / KAKITANGAN PTPK SAHAJA</b>							
<b>PENGESAHAN PENERIMAAN DOKUMEN &amp; SEMAKAN</b>							
Diterima oleh:		Tarikh terima/semak:			Catatan		